



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	8/9/2011

'Biarkan Mat Sabu bercakap'


Mahathir percaya sikap itu buka tembelang Timbalan Presiden PAS

Oleh Amirullah Andi Nur
dan Amir Mamat
bhnews@bharian.com.my

AYER KEROH: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu seharusnya dibiar-kan terus banyak bercakap bagi membolehkan rakyat negara ini mengetahui- dengan jelas tembelang sebenar perjuangannya dan rakan dalam pakatan pembang- kang.

Bekas Perdana Menteri itu ber- kata, pemimpin nombor dua PAS yang lebih dikenali sebagai Mat Sa- bu itu kini bersikap berani dalam menidakkan perjuangan pasukan keselamatan negara melawan kom- unis sebelum ini kerana meng- anggap dirinya semakin kuat.

"Biar dia cakap banyak, baru kita tahu lubuk hati dia yang sebenar. Dia memang begitu kerana itulah per- juangannya yang sebenar. Kalau dia tak cakap, kita tidak tahu siapa ra- kan belakang dia. Sekarang ini kita tahu, mereka sebenarnya adalah pe- nyokong komunis dan penganas.



"Sebab itu, saya ingat tak per- lulah tangkap dia, beri dia cakap banyak-banyak supaya kita akan tahu semua jenis orang di bela- kangnya. Ini rakyat harus tahu ke- rana kalau tidak, mereka terus ter- tipu sepanjang masa.

"Sekarang ini, dia (Mat Sabu) ce- rita hal betul dalam hati dia. Saya percaya, satu masa akan datang, kita akan dapat balas dengan cara yang halus tapi berkesan," katanya pada program Wacana Pemikiran Bersa- ma Tun Dr Mahathir Mohamad di Seri Negeri, di sini, semalam.

Program anjuran Pertubuhan Melayu Insaf Kreatif Malaysia (PE- MIMPIN) itu dihadiri kira-kira 1,200 orang termasuk Yang Diper- tua Negeri, Tun Mohd Khalil Ya- akob dan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Sempena majlis itu, beliau turut dianugerahkan gelaran Pejuang Melayu Sejagat yang disampaikan oleh Mohd Ali dan Pengerusi Ek- sekutif PEMIMPIN, Prof Tan Sri Dr Ibrahim Abu Shah.

Mengulas mengenai reaksi ma- rah bekas anggota pasukan kese- lamatan negara sejak kenyataan Mat Sabu itu didedahkan, Dr Ma- hathir menyerahkan kepada pihak berkenaan untuk menilai sendiri perjuangan orang seperti pemim- pin nombor dua PAS itu.

"Saya tidak peduli kerana haki- katnya yang memperjuangkan ne- gara bukan Chin Peng, bukan peng- gasan tapi orang seperti Tunku Ab- dul Rahman, Tun Razak dan Datuk Onn Jaafar. Orang ini yang ber- juang untuk memerdekakan ne- gara," katanya.